



ORANG ramai berkumpul di hadapan SJKC Malim untuk melihat keadaan sekolah itu yang rosak teruk selepas dibadai puting beliung dalam kejadian di Melaka semalam. – RASUL AZLI SAMAD

Bumbung 10 buah kelas melayang dipukul ribut, 22 murid cedera ringan

Sekolah rosak dilanda puting beliung

Oleh RIZANIZAM ABDUL HAMID

MELAKA – Bagai dilanda garuda. Itulah perkataan yang sesuai bagi menggambarkan keadaan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Malim di sini yang rosak teruk apabila dilanda puting beliung semalam.

Kejadian pada pukul 10.15 pagi itu turut mengakibatkan 22 murid cedera ringan.

Seorang kerani yang ingin dikenali sebagai Linda, 44, berkata, ketika itu dia berada di pejabat dan ternampak angin putih seperti puting beliung selama lima saat yang membawa sisa bumbung sebelum ia terhempas.

“Kejadian berlaku begitu pantas dan mujur ketika itu semua murid berada di dalam kelas masing-masing kerana mereka dikehendaki makan di situ ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

“Kalau bukan kerana PKPP saya rasa mesti ada murid yang cedera parah akibat dihempap



SEORANG kakitangan SJKC Malim membawa murid yang terselamat untuk dihantar pulang di Melaka semalam.

kayu, bumbung dan zink yang berterbangan,” ceritanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambahnya, kejadian tersebut menyebabkan 10 buah kelas

di bangunan akademik sekolah yang berusia 82 tahun itu rosak teruk. Sekolah itu mempunyai 27 bilik darjah dan 830 murid melibatkan tahun satu hingga enam.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Melaka, Abu Obaidat Mohamad berkata, pemeriksaan mendapati ribut itu telah meng-

akibatkan bumbung blok belakang tercabut.

“Ketika itu ada 28 murid di dalam kelas daripada 22 daripadanya cedera ringan yang diberikan rawatan awal sebelum dibenarkan pulang.

“Hari ini (semalam) sahaja kita menerima 36 panggilan berkaitan ribut. Kes paling buruk ialah di sekolah ini, manakala panggilan kecemasan ribut lain membabitkan pokok tumbang menimpa rumah dan kereta di kawasan Malim, Cheng dan Bandar Melaka,” katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Dr. Mah Hang Soon berkata, kerajaan telah meluluskan peruntukan segera sebanyak RM105,000 untuk kos penyelenggaraan sekolah itu.

“Murid akan diberikan cuti selamat selama dua hari untuk memberi laluan kepada pekerja-kerja membaiki pulih,” katanya ketika ditemui ketika melakukan tinjauan di sekolah tersebut.